SMART RENOVATION SDN BHD

lwn.

JAIREH SDN BHD;
SMART READER WORLDWIDE SDN BHD
(PIHAK KETIGA)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI PK
[RAYUAN SIVIL NO: 22NCVC-70-11]
27 MAC 2014

PROSEDUR SIVIL: *Prosiding pihak ketiga - Notis pihak ketiga - Permohonan pengenepian - Peruntukan pengeluaran notis pihak ketiga - Sama ada dipenuhi - Sama ada kegagalan memenuhi peruntukan mewajarkan pengenepian notis pihak ketiga - Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 16 k. 1*

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penyingkapan tirai pemerbadanan - Entiti berasingan - Justifikasi untuk penyingkapan tirai pemerbadanan - Sama ada wujud keadaan istimewa - Sama ada wujud elemen penipuan*

Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah bagi menuntut baki bayaran yang tertunggak di bawah satu perjanjian dengan defendan bagi kerja-kerja hiasan dalaman yang telah disiapkan oleh plaintif ('perjanjian hiasan dalaman'). Defendan sebaliknya menyatakan bahawa kerja-kerja hiasan dalaman yang dilaksanakan oleh plaintif adalah bagi penyediaan pelaksanaan perjanjian francais yang dimeterai oleh defendan dengan Smart Reader Worldwide Sdn Bhd ('SRWSB'). Defendan juga mendakwa bahawa perjanjian francais tersebut adalah batal dan tidak sah kerana bercanggah dengan Akta Francais 1998 dan dengan itu menuntut balas untuk ganti rugi beserta faedah dan kos daripada plaintif yang dikatakan merupakan entiti yang sama atau ejen kepada SRWSB dan dengan itu, memohon mahkamah untuk menyingkap tirai pemerbadanan. Defendan juga telah memperoleh perintah untuk menjadikan SRWSB sebagai pihak ketiga. Pihak ketiga memohon untuk mengenepikan notis pihak ketiga dan perintah yang membenarkan defendan mengeluarkan notis pihak ketiga. Dalam hujahannya, pihak ketiga mendakwa bahawa defendan mengambil masa lebih sembilan tahun untuk membuat permohonan mengeluarkan notis

kepada pihak ketiga dan ia adalah suatu tindakan fikiran semula bagi melengahkan tuntutan plaintif terhadap defendan dan telah terhalang oleh Akta Had Masa 1953 ('Akta 1953'). Pihak ketiga juga menghujahkan bahawa pihak plaintif adalah syarikat yang mempunyai entiti yang berbeza dengan pihak ketiga dan dengan itu tiada keperluan bagi penyingkapan tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat tersebut. Pihak ketiga juga menyatakan bahawa ia bukan pihak kepada perjanjian hiasan dalaman.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

(1) Plaintif dan pihak ketiga adalah dua buah syarikat yang didaftarkan secara berasingan walaupun mempunyai pengarah, setiausaha syarikat dan alamat perniagaan yang sama. Mahkamah boleh menyingkap tirai pemerbadanan dalam keadaan tertentu tetapi ia tidak akan dilakukan dengan sewenang-wenangnya walaupun untuk tujuan keadilan kecuali elemen penipuan dibangkitkan dalam sesuatu tuntutan. Dalam kes ini, tidak ada dalam mana-mana perenggan dalam pliding defendan yang mendakwa elemen penipuan atau sekurang-kurangnya pernyataan yang mengatakan bahawa pihaknya diperdaya atau didorong secara salah ketika memasuki mana-mana perjanjian dengan pihak plaintif atau pihak ketiga. Oleh itu, tidak ada justifikasi undang-undang atau keadaan istimewa untuk mahkamah menyingkap tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat tersebut. (perenggan 24, 28 & 29)

(2) Perjanjian hiasan dalaman yang dimasuki oleh defendan dengan plaintif adalah bagi memenuhi kehendak pihak ketiga dalam melaksanakan hak perniagaan francais yang dipegangnya. Tidak terdapat sebarang pernyataan yang mengatakan defendan telah diperdaya, ditipu atau didorong secara salah untuk memasuki kedua-dua perjanjian tersebut. Defendan perlu mematuhi kedua-dua perjanjian yang dimasuki dengan dua entiti yang berbeza tersebut dan sekiranya terkilan dengan mana-mana pihak kepada perjanjian, tindakan berasingan hendaklah diambil. Defendan tidak boleh mengheret pihak ketiga ke dalam tindakannya terhadap plaintif. (perenggan 30, 31 & 32)

(3) Defendan tidak boleh bergantung kepada perjanjian francais yang dikatakan tidak sah bagi mempertikaikan tuntutan plaintif dalam perjanjian hiasan dalaman. Defendan juga tidak boleh bergantung kepada perjanjian hiasan dalaman bagi

membuat tuntutan terhadap pihak ketiga akibat daripada kerugian yang dikatakan berbangkit daripada perjanjian francais. (perenggan 33)

(4) Notis pihak ketiga tidak memenuhi mana-mana kehendak peruntukan A. 16 k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). Remedi dan relief serta isu persoalan yang dibangkitkan tiada kaitan dengan tuntutan plaintif terhadap defendan. Dengan itu, pihak ketiga tidak memenuhi kehendak peruntukan di bawah A. 16 k. 1 KKM bagi plaintif membawa pihak ketiga dalam tindakannya. (perenggan 35, 36, 37 & 38)

(5) Pihak yang bergantung kepada pembelaan had masa perlulah memasukkan pembelaan tersebut dalam plidingnya. Walau bagaimanapun, pihak ketiga tidak pernah memplidkan pembelaan halangan di bawah Akta 1953. Oleh itu, pihak ketiga tidak boleh bergantung kepada pembelaan halangan had masa. (perenggan 41 & 42)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Aziz Atan & Ors v. Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd [1985] 1 CLJ 255; [1985] CLJ (Rep) 370 HC ***(dirujuk)***

Aron Salomon (Pauper) v. A Salomon & Co Ltd [1897] AC 22 ***(dirujuk)***

Aspatra Sdn Bhd & Ors v. Bank Bumiputra (M) Bhd & Anor [1987] 2 CLJ 377; [1987] CLJ (Rep) 50 SC ***(dirujuk)***

Law Kam Loy & Anor v. Boltex Sdn Bhd & Ors [2005] 3 CLJ 355 CA ***(dirujuk)***

Re Chop Cheong Tuck of Ipoh [1938] FMSLR 19 ***(dirujuk)***

Sunrise Sdn Bhd v. First Profile (M) Sdn Bhd & Anor [1997] 1 CLJ 529 FC ***(dirujuk)***

Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd [2011] 3 CLJ 751 FC ***(dirujuk)***

Tenaga Nasional Bhd v. Irham Niaga Sdn Bhd & Anor [2011] 1 CLJ 491 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, s. 16(5)

Limitation Act 1953, s. 4

Rules of Court 2012, O. 16 rr. 1, 6, O. 18 r. 19, O. 42 r. 13

Rules of the High Court 1980, O. 16 r. 1(1)(a), (b), (c)

Dilaporkan oleh S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali PK:

Pengenalan

B **[1]** Pihak ketiga (pemohon) memohon untuk mengetepikan:

(i) notis pihak ketiga bertarikh 19 Ogos 2011; dan

(ii) perintah yang membenarkan defendan untuk mengeluarkan notis pihak ketiga bertarikh 5 Ogos 2011

C

di bawah A. 16 dan seterusnya membatalkan tindakan defendan terhadap pihak ketiga di bawah A. 18 k. 19, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ("KKM 2012").

D **[2]** Tuntutan asal plaintif terhadap defendan (responden) adalah bagi menuntut baki wang yang dikatakan tertunggak dari kerja hiasan dalaman yang telah disempurnakan oleh plaintif di bawah satu perjanjian. Sementara itu tuntutan defendan terhadap pihak ketiga (pemohon) pula adalah berdasarkan kepada satu perjanjian E lain bagi perniagaan francais.

Fakta Kes

[3] Plaintif, sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 telah menuntut dari defendan sebanyak RM26,672 F berserta faedah pada kadar 1.5% sebulan dari Mei 2001 hingga November 2001, faedah selanjutnya dan kos tindakan di Mahkamah Sesyen. Tuntutan tersebut adalah untuk baki wang bagi kerja-kerja hiasan dalaman yang telah disiapkan oleh plaintif di bawah suatu perjanjian dengan defendan bertarikh 31 Oktober G 2000 (selepas ini di sebut 'perjanjian hiasan dalaman').

[4] Sementara itu defendan, dalam pernyataan pembelaan dan tuntutan balas yang dipinda telah memplidkan bahawa plaintif dan Smart Reader Worldwide Sdn Bhd ("SRWSB") adalah satu entiti H yang sama dan telah memohon mahkamah menyingkap tirai pemerbadanan (lifting the veil of incorporation) bagi membuktikan kerja-kerja yang hiasan dalaman yang dilaksanakan plaintif adalah bagi penyediaan pelaksanaan perjanjian francais di antara defendan dengan SRWSB yang ditandatangani pada 13 Disember 2000 I (selepas ini disebut 'perjanjian francais'). Defendan seterusnya memplidkan bahawa perjanjian francais yang dimasuki tersebut

adalah batal dan tidak sah kerana bercanggah dengan Akta Francais 1998. Dengan itu defendan telah menuntut balas sejumlah RM347,076.63 sebagai ganti rugi berserta faedah dan kos daripada plaintif yang dikata merupakan entiti yang sama ataupun ejen kepada SRWSB. Kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

[5] Defendan kemudiannya telah memohon dan mendapat perintah untuk menjadikan SRWSB sebagai pihak ketiga bagi menuntut jumlah ganti rugi yang sama seperti dalam tuntutan balas terhadap plaintif.

[6] Pihak ketiga telah membuat permohonan bagi mengetepikan notis pihak ketiga dan perintah yang membenarkan defendan mengeluarkan notis pihak ketiga tersebut.

Hujahan Pihak-Pihak

[7] Peguam pihak ketiga telah menghujahkan bahawa tindakan defendan mendakwa pihak ketiga selepas lebih daripada sembilan tahun dari tarikh tuntutan difailkan adalah satu tindakan yang tidak *bona fide* dan adalah merupakan suatu tindakan after thought bagi melengahkan pelupusan tuntutan plaintif terhadap defendan. Ianya juga telah dihalang oleh Akta Had Masa 1953.

[8] Walau bagaimanapun, hujahan utama pihak ketiga adalah berkenaan dengan status entiti undang-undang plaintif dan pihak ketiga yang telah dibangkitkan pihak defendan dalam pernyataan pembelaan dan tuntutan balas yang dipinda dan pernyataan tuntutan defendan terhadap pihak ketiga. Adalah dihujahkan bahawa pihak plaintif adalah merupakan sebuah syarikat yang mempunyai entiti yang berbeza dengan pihak ketiga walau kedua-dua syarikat tersebut mempunyai pengarah dan setiausaha yang sama dan tidak ada keperluan bagi disingkap tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat tersebut.

[9] Turut dihujahkan bahawa subjek pertikaian di antara plaintif dan defendan di bawah perjanjian hiasan dalaman adalah berbeza dengan perjanjian defendan dengan pihak ketiga di bawah perjanjian francais. Pihak ketiga tidak ada privity dalam perjanjian antara plaintif dan defendan. Dengan itu tidak timbul isu konflik kepentingan bila peguam plaintif juga mewakili pihak ketiga.

[10] Adalah juga dihujahkan bahawa tuntutan defendan terhadap pihak ketiga adalah semata-mata berasaskan pembatalan (recind) perjanjian francais dan remedi dalam bentuk rescission adalah satu

penyalahgunaan proses mahkamah memandangkan perjanjian tersebut telah disempurnakan dan defendan telah pun memperoleh keuntungan darinya.

[11] Dari segi undang-undang pula, pihak ketiga telah menghujahkan bahawa defendan telah gagal memenuhi kehendak peruntukan A. 16 k. 1(1)(a) hingga (c), Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[12] Berkenaan dengan kelewatan memfailkan permohonan ini, peguam pihak ketiga telah menghujahkan bahawa permohonan bagi mengetepikan notis pihak ketiga boleh dilakukan pada bila-bila masa di bawah A. 16 k. 6 KKM 2012.

[13] Sementara itu peguam defendan pula menghujahkan bahawa permohonan pihak ketiga adalah lewat dan kes telah ditetapkan untuk perbicaraan penuh. Pihak ketiga juga gagal mengemukakan alasan kelewatan tersebut dan ianya adalah fatal.

[14] Berkenaan dengan tindakan defendan terhadap pihak ketiga, peguam defendan menghujahkan bahawa pembatalan tindakan terhadap pihak ketiga adalah tidak sesuai apabila ada kausa tindakan atau isu yang layak dibicara dan diputuskan mahkamah.

[15] Peguam defendan turut membangkitkan isu mengenai entiti plaintif dan pihak ketiga sebagai isu utama. Plaintif dan pihak ketiga dikatakan merupakan satu entiti yang sama. Bagi tujuan tersebut, tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat perlulah disingkap dan defendan perlu membuktikan fakta tersebut melalui perbicaraan penuh dengan memanggil saksi-saksi.

[16] Adalah dihujahkan juga bahawa perjanjian hiasan dalaman berkait rapat dengan perjanjian francais. Pra-syarat perjanjian francais adalah defendan perlu menjalankan kerja ubah suai hiasan dalaman premis perniagaan mengikut kehendak pihak ketiga dan bagi menjalankan kerja ubah suai, defendan dikehendaki menggunakan khidmat plaintif. Dengan itu perjanjian hiasan dalaman adalah sebahagian daripada perjanjian francais.

[17] Pihak ketiga sewajarnya dijadikan pihak dalam tindakan memandangkan defendan ada tuntutan terhadap pihak ketiga di bawah perjanjian francais. Pihak ketiga dikatakan telah gagal memasukkan klausa hak wilayah dalam perjanjian yang menjadikannya batal dan tidak sah kerana bertentangan dengan peruntukan Akta

Francais 1998. Dengan tersingkapnya tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat, defendan dapat membuktikan entiti mereka adalah sama dan defendan boleh menuntut ganti rugi dari pihak ketiga.

Keputusan

[18] Isu utama yang dibangkitkan adalah mengenai entiti pihak plaintif dan pihak ketiga. Pihak defendan telah mengatakan kedua-duanya adalah entiti yang sama. Bagi tujuan tersebut, tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat perlulah disingkap. Sebaliknya pihak ketiga mengatakan plaintif dan pihak ketiga adalah entiti yang berbeza dan perjanjian yang dimasuki defendan dengan plaintif adalah berbeza sama sekali dengan perjanjian yang dimasuki di antara defendan dan pihak ketiga.

[19] Dari fakta yang terdapat dalam pliding dan afidavit yang difailkan kedua-dua pihak adalah tidak dipertikaikan bahawa plaintif dan pihak ketiga adalah dua buah syarikat yang didaftarkan secara berasingan walaupun mempunyai pengarah, setiausaha syarikat dan alamat perniagaan yang sama. Plaintif adalah syarikat yang menjalankan kerja ubah suai hiasan dalaman dan pihak ketiga menjalankan perniagaan francais.

[20] Mengenai isu tirai pemerbadanan, seperti mana yang telah lama diputuskan dalam kes *Aron Salomon (Pauper) v. A Salomon & Co Ltd* [1897] AC 22, di mana House of Lords mengesahkan prinsip bahawa sebuah syarikat itu adalah merupakan satu entiti undang-undang yang berasingan daripada pemegang saham dan ahlinya. Syarikat juga tidak boleh dianggap sebagai ejen atau pemegang amanah kepada pemegang saham dan ahlinya. Apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh syarikat adalah terhad kepada syarikat tersebut sahaja dan untuk mendapatkan kembali hutang, pemiutang perlu mengambil tindakan terhadap syarikat dan bukan pemegang saham atau ahlinya.

[21] Prinsip kes *"Salomon"* tersebut telah dipakai dalam kes *Abdul Aziz Atan & Ors v. Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd* [1985] 1 CLJ 255; [1985] CLJ (Rep) 370; [1985] 2 MLJ 165 di mana Shankar J di ms. 373 (CLJ); ms. 167 hingga 168 (MLJ) telah memutuskan:

> It is trite law that an incorporated company is a legal person separate and distinct from the shareholders of the company. The company from the date of incorporation has perpetual succession and the Companies Act provides that the liability on the part of the shareholders to contribute to the assets of the company will

A be limited in the manner provided by law and its memorandum and articles of association. The whole point of forming a limited company is that the shareholders can have in their hands the management of the business without incurring the risk of being under unlimited liability for the debts of the company.

B **[22]** Begitu juga dalam kes yang dirujuk oleh peguam pihak ketiga dalam hujahannya iaitu kes *Sunrise Sdn Bhd v. First Profile (M) Sdn Bhd & Anor* [1997] 1 CLJ 529; [1996] 3 MLJ 533 di mana Chong Siew Fai CJ memutuskan:

C We are in complete agreement with basic principle of fundamental attribute of corporate personality, ie that the corporation is a legal entity distinct from its member be they individuals or corporate bodies - a principle firmly established since *Aron Solomon v. A Solomon & Co Ltd* [1897] AC 22.

D **[23]** Dari segi undang-undang pula, kesan pemerbadanan telah diperuntukkan di bawah sub-s. 16 (5) Akta Syarikat 1965:

16. Effect of incorporation

E (5) On and from the date of incorporation specified in the certificate of incorporation but subject to this Act the subscribers to the memorandum together with such other persons as may from time to time become members of the company shall be a body corporate by the name contained in the memorandum capable forthwith of exercising all the functions of an incorporated F company and of suing and being sued and having perpetual succession and a common seal with power to hold land but with such liability on the part of the members to contribute to the assets of the company in the event of its being wound up as is provided by this Act.

G Jelasnya setelah ditubuhkan, syarikat memperoleh status undang-undangnya yang tersendiri dan merupakan satu entiti bebas atau berbeza daripada yang ahli dan pengarahnya. Suatu tirai telah diwujudkan oleh undang-undang yang memisahkan syarikat dengan pihak yang mengawalnya dan tirai tersebut dalam keadaan biasa H tidak akan diusik oleh undang-undang.

[24] Walaupun begitu, terdapat keadaan di mana tirai pemerbadanan disingkap oleh mahkamah, terutamanya bagi tujuan memberi keadilan kepada pihak yang menuntut. Walau I bagaimanapun dari kes autoriti yang ada, mahkamah tidak akan menyingkap tirai tersebut walaupun untuk keadilan jika tidak dibangkitkan isu fraud atau penipuan dalam urusan yang dipertikaikan.

[25] Dalam kes yang dirujuk dalam hujahan pihak ketiga, *Aspatra Sdn Bhd & Ors v. Bank Bumiputra (M) Bhd & Anor* [1987] 2 CLJ 377; [1987] CLJ (Rep) 50; [1988] 1 MLJ 97 Mahkamah Agung ketika itu telah memutuskan:

> ... the court could generally lift the corporate veil in order to do justice particularly where an element of fraud is involved. There was admittedly an element of fraud in the receipt of secret profits alleged in this case and this was sufficient for the court to lift corporate veil for the purpose of determining whether the assets of the company were really owned by them ...

[26] Sementara itu, Gopal Sri Ram HMR pada ketika itu dalam kes *Law Kam Loy & Anor v. Boltex Sdn Bhd & Ors* [2005] 3 CLJ 355 di ms. 362 telah memutuskan:

> In my judgment, in the light of the more recent authorities such as *Adams v. Cape Industries Plc* [1990] Ch 433, it is not open to the courts to disregard the corporate veil purely on the ground that it is in the interests of justice to do so. It is also my respectful view that the special circumstances to which Lord Keith referred include cases where there is either actual fraud at common law or some inequitable or unconscionable conduct amounting to fraud in equity.

[27] Di dalam kes *Tenaga Nasional Bhd v. Irham Niaga Sdn Bhd & Anor* [2011] 1 CLJ 491; [2011] 1 MLJ 752 pula, Abdul Malik bin Ishak HMR telah memutuskan di ms. 515 (CLJ); ms. 772 (MLJ):

> (49) You cannot simply raise the veil of incorporation just because you feel that it is in the interest of justice. But if there is fraud, then the veil of incorporation may be lifted. But here, there was no fraud at all.

[28] Kesimpulannya, tirai pemerbadanan syarikat tidak akan disingkap dengan sewenangnya walaupun untuk tujuan keadilan kecuali ada dibangkitkan elemen penipuan dalam sesuatu tuntutan. Meneliti pliding yang difailkan defendan, tidak ada pula di mana-mana perenggan yang mendakwa wujudnya elemen penipuan atau sekurang-kurangnya ada pernyataan yang mengatakan pihaknya diperdaya atau didorong secara salah ketika memasuki mana-mana perjanjian dengan pihak plaintif atau pun pihak ketiga.

[29] Oleh itu saya mendapati tidak ada justifikasi undang-undang (legal justification) atau keadaan istimewa (special circumstances) untuk mahkamah menyingkap tirai pemerbadanan kedua-dua syarikat tersebut.

[30] Dari pelbagai jenis perniagaan yang ada, defendan telah memilih untuk menjalankan perniagaan francais yang diusahakan pihak ketiga. Sebelum memulakan perniagaan francais, sudah tentulah ada kehendak tertentu yang perlu dipatuhi. Perjanjian hiasan dalaman yang dimasuki defendan dengan plaintif adalah bagi memenuhi kehendak pihak ketiga dalam melaksanakan hak perniagaan francais yang dipegangnya.

[31] Defendan perlulah mematuhi kedua-dua perjanjian yang dimasuki dengan dua entiti yang berbeza tersebut dan sekiranya terkilan dengan mana-mana pihak kepada perjanjian, tindakan yang berasingan hendaklah diambil. Defendan tidaklah boleh mengheret pihak ketiga ke dalam arena atau gelanggang yang telah dikhususkan untuknya bertarung dengan pihak plaintif.

[32] Saya mendapati defendan sememangnya berniat untuk menjalankan perniagaan francais yang diusahakan pihak ketiga dan defendan tahu akan keperluan pada kerja ubahsuai premis perniagaannya mengikut kehendak pihak ketiga sebelum memulakan perniagaan. Tidak terdapat sebarang pernyataan yang mengatakan defendan telah diperdaya, ditipu atau didorong secara salah untuk memasuki kedua-dua perjanjian tersebut. Saya mendapati pihak-pihak adalah secara sukarela memasuki perjanjian pada masa tersebut.

[33] Dengan itu saya bersetuju dengan hujahan peguam pihak ketiga yang mengatakan bahawa defendan tidak boleh bergantung kepada perjanjian francais yang dikatakan tidak sah bagi mempertikaikan tuntutan plaintif dalam perjanjian hiasan dalaman. Sebaliknya, saya juga memutuskan bahawa defendan tidak boleh bergantung kepada perjanjian hiasan dalaman bagi membuat tuntutan terhadap pihak ketiga akibat dari kerugian yang dikatakan berbangkit dari perjanjian francais.

[34] Berhubungan dengan itu, penghujahan berkaitan dengan undang-undang yang dikemukakan peguam pihak ketiga sewajarnya diberi pertimbangan. Permohonan bagi notis pihak ketiga adalah di bawah A. 16 k. 1 (KKM 2012) yang memperuntukkan:

> 1. (1) Where in any action a defendant who has entered an appearance:
>
> (a) claims against a person not already a party to the action any contribution or indemnity;

(b) claims against such a person any relief or remedy relating to or connected with the original subject matter of the action and substantially the same as some relief or remedy claimed by the plaintiff; or

(c) requires that any question or issue relating to or connected with the original subject matter of the action should be determined not only as between the plaintiff and the defendant but also as between either or both of them and a person not already a party to the action.

[35] Saya bersetuju dengan hujahan tersebut dan mendapati notis pihak ketiga yang telah dikeluarkan tidak memenuhi mana-mana kehendak peruntukan A. 16 k. 1 tersebut. Di bawah perenggan (a), tuntutan defendan terhadap pihak ketiga bukannya untuk sumbangan atau indemniti. Sebaliknya defendan menuntut remedi dalam bentuk rescission yang berbangkit dari perjanjian francais yang dikatakan tidak sah. Tuntutan tersebut tiada langsung kaitannya dengan tuntutan plaintif terhadap defendan.

[36] Di bawah perenggan (b) pula, relif atau remedi dipohon adalah berlainan sama sekali dan tidak ada kaitan dengan perkara pertikaian asal. Plaintif dalam perkara pertikaian asal menuntut baki pembayaran bagi kerja yang telah disiapkan di bawah perjanjian hiasan dalaman sementara tuntutan defendan terhadap pihak ketiga adalah bagi rescission di bawah perjanjian francais.

[37] Begitu juga di bawah perenggan (c), kemasukan pihak ketiga tidak membantu mahkamah dalam memutuskan sebarang isu atau penentuan persoalan di antara plaintif dan defendan. Ini kerana isu atau penentuan persoalan tindakan plaintif terhadap defendan adalah berlainan dan berasingan dengan isu atau penentuan persoalan di antara defendan dan pihak ketiga.

[38] Berdasarkan kepada dapatan saya sebelum ini yang memutuskan bahawa perjanjian hiasan dalaman dan perjanjian francais dimasuki oleh dua entiti yang berbeza, saya mendapati dan memutuskan pihak ketiga tidak memenuhi kehendak peruntukan di bawah A. 16 k. 1 KKM 2012 bagi membawa pihak ketiga dalam tindakan plaintif terhadapnya.

[39] Isu seterusnya yang saya pertimbangkan ialah berkaitan dengan kelewatan pihak-pihak semasa memfailkan permohonan masing-masing. Pihak ketiga mendakwa defendan mengambil masa lebih sembilan tahun untuk membuat permohonan mengeluarkan

notis kepada pihak ketiga dan ianya suatu tindakan after thought bagi melengahkan tuntutan plaintif dan telah terhalang oleh Akta Had Masa 1953.

[40] Sementara itu defendan mendakwa pihak ketiga membuat permohonan hanya selepas lebih tiga tahun dari tarikh difailkan pernyataan pembelaan dan setelah tindakan ditetapkan untuk perbicaraan. Defendan bergantung kepada peruntukan A. 42 k. 13 KKM 2012 yang memberi masa 30 hari kepada pihak terkilan mengetepikan perintah yang diberi. Kegagalan memberi alasan juga memudaratkan permohonan pihak ketiga.

[41] Penelitian pada kronologi tindakan sememangnya menunjukkan kelewatan kedua-dua pihak seperti yang didakwa tersebut. Namun begitu pembelaan halangan di bawah Akta Had Masa 1953 tidak pernah diplid oleh pihak ketiga seperti mana kehendak s. 4 Akta Had Masa 1953 yang memperuntukkan:

> 4. Limitation not to operate as a bar unless specially pleaded
>
> Nothing in this Act shall operate as a bar to an action unless this Act has been expressly pleaded as a defence there to in any case where under any written law relating to civil procedure for the time being in force such a defence is required to be so pleaded.

[42] Adalah menjadi undang-undang mantap pihak yang bergantung kepada pembelaan had masa perlulah memasukkan pembelaan tersebut dalam plidingnya. (lihat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd* [2011] 3 CLJ 751 yang memutuskan: "It is trite as early as 1938 (see *Re Chop Cheong Tuck of Ipoh* [1938] FMSLR 19) that unless limitation is pleaded as a defence, it shall not operate as a bar to an action"). Oleh itu pihak ketiga tidak boleh bergantung kepada pembelaan halangan had masa.

[43] Bagi dakwaan defendan pula, permohonan pihak ketiga adalah di bawah A. 16 k. 6 KKM 2012 yang memperuntukkan:

> Setting aside third party proceedings (O. 16, r. 6)
>
> 6. Proceedings on a third party notice may, at any stage of the proceedings, be set aside by the Court.

Dengan membezakan peruntukan kaedah dan kes-kes autoriti yang dirujuk peguam defendan dalam hujahannya, saya mendapati dan memutuskan mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengetepikan notis pihak ketiga pada mana-mana peringkat prosiding.

[44] Walaupun terdapat isu-isu lain yang turut dibangkitkan dalam penghujahan, saya dapati pertimbangan ke atas isu dan persoalan undang-undang yang dinyatakan di atas sudah memadai untuk saya membuat keputusan bagi membenarkan permohonan pihak ketiga untuk mengetepikan notis pihak ketiga bertarikh 19 Ogos 2011 dan perintah yang membenarkan defendan untuk mengeluarkan notis pihak ketiga bertarikh 5 Ogos 2011 di bawah A. 16 dan seterusnya saya membenarkan permohonan untuk membatalkan tindakan defendan terhadap pihak ketiga di bawah A. 18 k. 19, KKM 2012. Perintah seperti dipohon bagi permohonan di bawah lampiran 71 dengan kos sebanyak RM3,000 kepada pihak ketiga.